



INTERNATIONAL JOURNAL OF
EDUCATION, PSYCHOLOGY
AND COUNSELLING
(IJEPC)
www.ijepec.com



PELAKSANAAN PROGRAM ‘OH MY SOLAT’
DALAM KALANGAN PELAJAR ISLAM: SATU KAJIAN DI
POLITEKNIK MUKAH

*IMPLEMENTATION OF THE ‘OH MY SOLAT’ PROGRAM AMONG MUSLIM
STUDENTS: A STUDY AT POLITEKNIK MUKAH*

Farah Hanan Abu Bakar^{1*}, Fatin Faqeriah Hamsah², Lezawati Seron³

¹ Jabatan Pengajian Am, Politeknik Mukah, Malaysia

Email: farah@pmu.edu.my

² Jabatan Pengajian Am, Politeknik Mukah, Malaysia

Email: faqeriah@pmu.edu.my

³ Jabatan Pengajian Am, Politeknik Mukah, Malaysia

Email: lezawati@pmu.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 02.10.2024

Revised date: 15.10.2024

Accepted date: 16.11.2024

Published date: 09.12.2024

To cite this document:

Abu Bakar, F. H., Hamsah, F. F., & Seron, L. (2024). Pelaksanaan Program ‘Oh My Solat’ Dalam kalangan Pelajar Islam: Satu Kajian di Politeknik Mukah. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 9 (56), 187-197.

DOI: 10.35631/IJEPC.956012

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Kajian ini dijalankan untuk mengkaji sejauhmana pelaksanaan program ‘Oh My Solat’ (OMS) dalam kalangan pelajar Islam di Politeknik Mukah. Justeru itu, kajian ini dilaksanakan untuk mengenal pasti penguasaan ibadah solat pelajar Islam di Politeknik Mukah. Disamping itu juga kajian ini dilaksanakan untuk meninjau keberkesanan program OMS dalam kalangan pelajar Islam Politeknik Mukah. Oleh yang demikian, pelaksanaan ibadah merupakan salah satu aspek yang diambil perhatian dalam kalangan pelajar-pelajar di Politeknik Mukah. Sebagaimana yang kita sedia maklum solat merupakan tiang agama dan wajib orang Islam menunaikannya. Melalui program OMS yang dilaksanakan di Politeknik Mukah untuk mendidik pelajar supaya dapat belajar dan seterusnya dapat menunaikan solat dengan sempurna. Responden yang terlibat dalam kajian ini ialah pelajar Islam semester 1 di Politeknik Mukah. Metodologi kajian yang dilaksanakan adalah melalui kaedah tinjauan berbentuk kuantitatif menggunakan borang soal selidik yang menggunakan google form. Data kajian dianalisis dengan menggunakan aplikasi Statistical Package for Social Science (SPSS) versi 26. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penguasaan ibadah solat pelajar dalam kajian ini mencapai min yang tinggi. Melalui program OMS pelajar didedahkan dengan bacaan dan pelaksanaan ibadah solat. Diharap kajian ini dapat membantu pensyarah Pendidikan Islam dalam mempelbagaikan kaedah pengajaran dan

pembelajaran khususnya tentang ibadah solat pelajar di Politeknik Mukah. Selain itu, pensyarah Pendidikan Islam dapat mempelbagaikan pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas khususnya dalam bab ibadah supaya dapat memastikan bacaan dan pelaksanaan yang betul dalam ibadah solat supaya menjadikan pelajar selaras dengan kehendak falsafah pendidikan Negara.

Kata Kunci:

Pelaksanaan; program 'Oh My Solat'; Pelajar Islam; Politeknik Mukah

Abstract:

This study was conducted to examine the extent of the implementation of the 'Oh My Solat' (OMS) program among Muslim students at Politeknik Mukah. Therefore, this study aims to assess the level of proficiency in performing prayers among Muslim students at Politeknik Mukah. Additionally, the study seeks to explore the effectiveness of the OMS program within this student population. As such, the performance of prayers is a crucial aspect emphasized among students at Politeknik Mukah. As is widely understood, prayer is a pillar of Islam and an obligatory act for Muslims. Through the OMS program, implemented at Politeknik Mukah, students are educated to learn and eventually perform their prayers correctly. The respondents involved in this study were first-semester Muslim students at Politeknik Mukah. The study employed a quantitative survey methodology using a questionnaire distributed via Google Forms. The collected data were analyzed using the Statistical Package for Social Science (SPSS) software, version 26. The findings indicate that the students' proficiency in performing prayers in this study achieved a high mean score. Through the OMS program, students were exposed to the correct recitations and performance of prayer. It is hoped that this study will assist Islamic Education lecturers in diversifying their teaching and learning methods, particularly concerning the prayer practices of students at Politeknik Mukah. Additionally, Islamic Education lecturers are encouraged to vary their classroom teaching and learning approaches, especially on the topic of worship, to ensure accurate recitations and performance of prayer. This aligns with the goals of the national education philosophy, aiming to ensure students meet its standards.

Keywords:

Implementation; 'Oh My Solat' Program; Muslim Students; Politeknik Mukah

Pengenalan

Islam agama yang syumul dan universal yang dipegang oleh umat Islam dalam kehidupan ini. Dengan adanya pegangan agama dapat meliputi semua aspek kehidupan manusia. Pendidikan Islam pula bertujuan bagi menjamin kebahagiaan dunia dan akhirat. Sumber Al-Quran dan as-sunnah sebagai tunjang utama umat Islam dalam melahirkan generasi yang seimbang dari sudut pembangunan fizikal, mental, rohani dan peribadi. Justeru itu, Pendidikan Islam bersumberkan Al-Quran dan As-Sunnah bagi mewujudkan satu sistem pendidikan yang kemas dan efisien (Ahmad Mohd Salleh 2008). Menurut Al-Farabi, Ibnu Sina, dan Ihkwan As Safa menyatakan bahawa kesempurnaan hakiki manusia tercapai dengan meletakkan kehidupan beragama dan kehidupan keduniaan seiring bersumberkan kepada Al-Quran dan As-Sunnah (Abdullah Ishak 1989).

Setiap sesuatu kejadian pasti ada tujuan dan matlamatnya seperti mana kejadian manusia. Merujuk kepada firman Allah dalam surat az-Zariyat 51:56 menyatakan bahawa Allah menjelaskan bahawa matlamat penciptaan manusia adalah untuk beribadat kepada Allah SWT semata-mata. Ibadah merupakan satu cara mendekatkan diri kepada Allah SWT dalam menunaikan kewajiban dan peranan sebagai khalifah dan hamba di muka bumi ini. Menurut Harun (2007) pendidikan akidah dan ibadah merupakan kegiatan dalam kehidupan iaitu menjadikan akidah (keimanan) sebagai asas manakala ibadah sebagai manifestasi daripada iman tersebut. Ini rentetan menurut Ahmad (2004) menjelaskan bahawa asas ibadah merupakan kombinasi daripada kesepaduan rukun iman dan rukun Islam yang bertujuan untuk membentuk keperibadian Muslim yang berasaskan kepada ketakwaan kepada Allah SWT.

Ibadah solat merupakan ibadah yang dapat mendekatkan hubungan manusia dengan Allah sebagai pencipta yang Maha Esa. Umat Islam diwajibkan untuk melakukan ibadah solat kerana ianya merupakan perintah daripada Allah SWT (Maryam Abdul Majid, (1999). Sabda Rasulullah s.a.w yang bermaksud: “Solat itu tiang agama, sesiapa yang mendirikan solat, sesungguhnya dia sudah menegakkan agama dan barangsiapa yang meninggalkan solat sesungguhnya dia meruntuhkan agama”. Daripada sabda Rasulullah ini menunjukkan kewajiban dilaksanakan seluruh umat Islam dalam menjalankan perintah kepada penciptanya yakni Allah SWT. Ia merupakan tiang dan asas penting dalam pembentukan diri seseorang individu. Tanpa ibadah solat maka tidak sempurna seluruh amalan seseorang muslim tersebut kerana bertentangan dengan tujuan hidup manusia iaitu melaksanakan perintah Allah dan tidak melakukan perkara-perkara yang ditegah.

Pelaksanaan Program “Oh My Solat” (OMS)

Program OMS merupakan program yang dilaksanakan pada awal semester 1 bagi pelajar Islam pada setiap semester di Politeknik Mukah. Program ini dilaksanakan bagi mendedahkan kepada pelajar tentang tatacara solat yang betul berdasarkan rukun dan syarat-syarat yang telah ditetapkan. Disamping itu, program OMS ini dapat menanam sikap tanggung jawab untuk melaksanakan solat fardhu sebagai yang wajib dalam kehidupan harian. Melalui program OMS ini mendedahkan kepada pelajar tentang kewajiban menunaikan solat fardhu dalam kehidupan seharian sekaligus dapat mengetahui sejauh mana penguasaan solat pelajar semester 1 yang masuk ke Politeknik Mukah. Disamping itu juga, pelajar Politeknik Mukah didedahkan dengan ceramah tentang solat bermula daripada asas supaya pelajar dapat menguatkan lagi pengetahuan yang sedia ada pada pelajar Islam Politeknik Mukah. Dengan pelaksanaan OMS ini dapat mencapai objektif dan matlamat program kepada pelajar supaya mereka tahu kepentingan solat dan penguasaan solat dalam kehidupan seharian sebagai khalifah di muka bumi Allah yang luas ini.

Penyataan Masalah

Dalam kajian ini, pengkaji memfokuskan ke atas pelajar-pelajar Islam semester satu sesi 1 2022/2023 di Politeknik Mukah bagi mengkaji penguasaan ibadah solat pelajar dan keberkesanan pelaksanaan program OMS yang telah dilaksanakan. Kajian ini dilaksanakan terhadap pelaksanaan program OMS bagi pelajar-pelajar Islam semester 1 di Politeknik Mukah kerana belum ada kajian yang dilakukan sebelum ini oleh mana-mana penyelidik. Selain itu, kajian yang dijalankan oleh penyelidik berkaitan pelaksanaan program OMS dalam kalangan pelajar-pelajar Islam di Politeknik Mukah akan memberi pendedahan betapa pentingnya mendirikan solat dalam kehidupan pelajar Islam masa kini terhadap aspek rohani.

Sebagaimana kita tahu mahasiswa merupakan tunjang dan nadi pada masa akan datang. Golongan ini memainkan peranan yang penting bagi menerajui kepimpinan negara serta kegemilangan dan kehebatan tamadun sesuatu bangsa menjadi peyambung ke arah pembangunan Negara. Dengan itu, golongan muda haruslah cemerlang dalam pelbagai aspek merangkumi akademik, jati diri, sahsiah, agama kerana ianya penting kepada kecemerlangan dan ekonomi pengukuhan pada masa depan. Justeru itu, dengan adanya program OMS ini dapat melahirkan mahasiswa yang berdisiplin dalam melaksanakan solat serta menjaga akhlak yang baik supaya dapat mencegah daripada perkara-perkara yang dapat membawa ke arah keburukkan. Menurut Mukhlis Hakimi (2018) pula, gejala sosial yang berlaku pada hari ini sentiasa dikaitkan dengan umat Islam yang sering meninggalkan kewajipan solat fardhu.

Melalui kajian ini, pensyarah dapat mengenalpasti pemahaman pelajar tentang solat dan pelaksanaan solat dalam kalangan pelajar. Selain itu, pensyarah Pendidikan Islam dapat mempelbagaikan pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas khususnya dalam bab ibadah supaya dapat memastikan bacaan dan pelaksanaan yang betul dalam ibadah solat supaya menjadikan pelajar selaras dengan kehendak falsafah pendidikan Negara.

Objektif Kajian

1. Menenalpasti penguasaan ibadah solat pelajar Islam Politeknik Mukah
2. Meninjau keberkesanan program OMS dalam kalangan pelajar Islam Politeknik Mukah
3. Mengkaji hubungan penguasaan ibadah solat dengan keberkesanan program OMS

Tinjauan Literatur

Kajian Azhar Mohd Nawi dan Sukarni Abd Ghani (2021) berkaitan pelaksanaan solat fardhu dalam kalangan pelajar Politeknik Hulu Terengganu. Ia melibatkan 100 pelajar muslim daripada Jabatan Perdagangan. Hasil kajian merumuskan bahawa pengetahuan mengenai kepentingan solat di kalangan responden tinggi namun pelaksanaan solat menunjukkan lebih 50 peratus pelajar tidak melaksanakan solat dalam kehidupan seharian.

Kajian Norita Abd Aziz et al, (2021) berkaitan penguasaan bacaan dan pelaksanaan solat di kalangan pelajar muslim di Politeknik Kuching, Sarawak menunjukkan dapatan kajian hampir sebahagian besar tidak melaksanakan ibadah solat. Hasil kajian mendapati mereka meninggalkan solat kerana sikap malas dan leka dengan gajet.

Hasil daripada kajian Siti Khurshiah Mohd Mansor et al, (2021) didapati tahap penghayatan solat mahasiswa UiTM Shah Alam masih berada di peringkat lemah. Masalah sosial yang berlaku pada remaja kini kerana akibat pengabaian mereka dalam penghayatan solat dalam kehidupan seharian mereka. Kepentingan penghayatan solat memberi kesan yang sangat besar kepada pelajar yang merangkumi akhlak, dan sahsiah dalam kehidupan mahasiswa. Penghayatan solat diberi penekanan khususnya kepada mahasiswa supaya mereka dapat menyerahkan diri kepada Allah dan khusyuk dalam menjalani ibadah serta sedar bahawa solat dapat menjaga diri mereka daripada terjebak melakukan perkara-perkara yang bertentangan dalam konsep Islam.

Menurut hasil kajian Mohd Khusyairie Marzuki et. al (2018), tahap pemahaman pelajar sangat tinggi terhadap kewajipan solat fardhu namun mereka masih lagi lemah dalam melaksanakan solat fardhu 5 waktu sehari. Ini disokong oleh kajian Masjuki Misbah (2017) menunjukkan

pelaksanaan solat fardu di kalangan pelajar-pelajar tingkatan 1 KAA (Kelas Aliran Agama) di Johor masih lagi pada tahap sederhana. Ini menunjukkan bahawa pelajar masih lagi kurang mengambil berat tentang kewajipan dalam menunaikan solat ke atas umat Islam di muka bumi ini.

Metodologi Kajian

Kajian ini adalah berbentuk kuantitatif yang melibatkan responden seramai 142 orang pelajar Islam semester satu sesi 1:2022/2023 di Politeknik Mukah. Perisian google form telah digunakan oleh penyelidik sebagai borang kaji selidik untuk diedarkan kepada pelajar. Dalam kajian Othman Lebar (2009) mengatakan bahawa kajian kuantitatif merupakan satu kajian untuk mendapatkan sesuatu data kajian. Terdapat empat bahagian dalam soal selidik kajian merangkumi Bahagian A berkaitan latar belakang responden, Bahagian B Penguasaan ibadah solat dalam kalangan pelajar Islam PMU dan Bahagian C- Keberkesanan program OMS dalam kalangan pelajar Islam Politeknik Mukah.

Populasi dan Sampel Kajian

Dalam kajian ini populasi kajian merupakan pelajar Politeknik Mukah, Sarawak. Sampel kajian merupakan pelajar Islam semester satu sesi 1:2022/2023. menurut Gay dan Airasian (2003), populasi merupakan kumpulan yang dipilih oleh pengkaji yang akan digeneralisasikan. Dalam kajian Mc Millan dan Schumacher (1984) sampel adalah seseorang yang dipilih daripada sekumpulan pelajar yang dikenali sebagai populasi. Menurut Fink (1995) populasi merangkumi keseluruhan yang akan dipilih sebagai sampel. Sampel dipilih daripada populasi bagi sesuatu kajian yang dilakukan. Bagi menjawab borang soal selidik ini seramai 142 pelajar Islam dipilih secara rawak daripada semester satu sesi 1:2022/2023

Kajian Rintis

Sebelum menjalankan kajian sebenar pengkaji telah menjalankan kajian rintis bagi mengenalpasti tahap kesahan dan kebolehpercayaan kajian sebenar yang akan dijalankan. Pengkaji telah melaksanakan kajian rintis di tempat kajian yang sama tetapi subjek kajian yang berlainan populasi kajian. Kajian rintis yang dijalankan mempunyai ciri-ciri yang sama dengan subjek populasi kajian. Kajian rintis dijalankan ke atas pelajar Islam semester 2 sesi 1 2022/2023. Seramai 15 orang pelajar Islam terlibat dalam kajian rintis yang dijalankan. Tujuan kajian rintis ini dijalankan untuk mengetahui sama ada pelajar dapat memahami soalan-soalan di dalam soal selidik. Pengkaji sendiri yang membuat kajian rintis yang dijalankan. Nilai Alpha Cronbach adalah 0.842.

Jadual 1 Merupakan Nilai Skor Min Yang Digunakan Oleh Penyelidik Dalam Kajian Ini.

Nilai Skor Min	Tahap
1.00-2.33	Rendah
2.34-3.67	Sederhana
3.68-5.00	Tinggi

Sumber: Nik Rahimi dan Zamri (2005)

Pengkaji menggunakan ujian Pearson Correlation Coefficient untuk melihat sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara pembolehubah-pembolehubah yang dikaji.

Bagi menentukan kekuatan hubungan antara kedua-dua pembolehubah pengkaji menggunakan anggaran kekuatan yang telah dicadangkan oleh Cohen (1998) seperti yang ditunjukkan dalam jadual 21.

Jadual 2: Anggaran Kekuatan Perhubungan Antara Dua Pembolehubah

Pekali Kolerasi	Kekuatan Hubungan
0.10-0.29	Rendah
0.30-0.49	Sederhana
0.50-1.00	Tinggi

Sumber: Cohen, J.W. 1998.

Demografi Responden

Seramai 141 orang pelajar Islam semester 1 bagi sesi 2022/2023 terpilih menjadi responden dalam kajian ini. Dalam kajian responden kajian terdiri daripada lima jabatan akademik merangkumi iaitu Jabatan Kejuruteraan Awam, Jabatan Kejuruteraan Elektrik, Jabatan Kejuruteraan Mekanikal, Jabatan Perdagangan dan Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi. Pemilihan responden dari kelima-lima jabatan yang ditawarkan di Politeknik Mukah, Sarawak menggunakan kaedah persampelan rawak. Jadual 3 merupakan taburan kekerapan responden yang telah digunakan oleh penyelidik.

Ciri Demografi		N	Peratus%
Jantina	Lelaki	72	50.7
	Perempuan	70	49.3
Bidang Pengajian	Jabatan Kejuruteraan Awam	10	7.0
	Jabatan Kejuruteraan Elektrik	16	11.3
	Jabatan Kejuruteraan Mekanikal	14	9.9
	Jabatan Perdagangan	79	55.6
	Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi	23	16.2

Hasil daripada data ini didapati responden ini telah didominasi oleh responden lelaki iaitu sebanyak 50.7% (72) berbanding responden perempuan iaitu 49.3% (70). Jabatan Perdagangan merekod jumlah responden tertinggi berbanding jabatan-jabatan lain iaitu 55.6% (79). Diikuti oleh responden daripada Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi iaitu 16.2% (23). Seterusnya responden daripada Jabatan Kejuruteraan Elektrik sebanyak 11.3% (16). Manakala responden Jabatan Kejuruteraan Mekanikal mencapai jumlah responden kedua terendah iaitu 9.9% (14). Akhir sekali Jabatan Kejuruteraan Awam mencapai jumlah responden yang paling rendah iaitu 7% (10).

Perbincangan Dan Dapatan

Jadual 4: Penguasaan Ibadah Solat Dalam Kalangan Pelajar Islam PMU

Bil.	Pernyataan	Min	SP	Tahap Interpretasi
B1	Saya dapat menyebut anggota wuduk	4.76	0.46	Tinggi
B2	Saya dapat menghafaz niat wuduk	4.67	0.56	Tinggi
B3	Saya dapat mengambil wuduk dengan sempurna dan tertib	4.65	0.63	Tinggi
B4	Saya dapat menyebut lafaz niat solat lima waktu	4.69	0.56	Tinggi
B5	Saya dapat membaca surah al-Fatihah	4.88	0.35	Tinggi
B6	Saya dapat melakukan takbiratul ihram dengan betul	4.65	0.57	Tinggi
B7	Saya dapat melakukan rukuk dengan betul	4.64	0.60	Tinggi
B8	Saya dapat melakukan iktidal dengan betul	4.60	0.62	Tinggi
B9	Saya dapat membaca bacaan iktidal dengan betul	4.51	0.69	Tinggi
B10	Saya dapat melakukan sujud dengan betul	4.63	0.60	Tinggi
B11	Saya dapat membaca bacaan sujud dengan baik	4.64	0.59	Tinggi
B12	Saya dapat membaca tahiyat akhir dengan lancar	4.44	0.76	Tinggi
B13	Saya dapat duduk tahiyat akhir dengan betul	4.61	0.58	Tinggi
	Purata Min	4.64	0.44	Tinggi

Dalam kajian ini analisis deskriptif yang menggunakan min dan sisihan piawai bagi menentukan penguasaan ibadah solat dalam kalangan pelajar Islam Politeknik Mukah seperti Jadual 4. Hasil kajian terhadap 13 item bahagian B memperolehi min di antara 4.51 sehingga 54.88. Min yang paling tertinggi berkaitan dengan saya dapat membaca surah al-Fatihah (min = 4.88, sp=0.60). Bagi item kedua yang tertinggi adalah berkaitan saya dapat menyebut anggota wuduk dengan skor (min = 4.76, sp = 0.46) dan item ketiga tertinggi adalah berkaitan saya dapat menyebut lafaz niat solat lima waktu (min=4.69, sp =0.56).

Min yang terendah berkaitan saya dapat membaca tahiyat akhir dengan lancar (min = 4.44, sp = 0.76). Bagi skor kedua terendah adalah item B9 iaitu saya dapat membaca bacaan iktidal dengan betul dengan nilai (min = 4.51, sp = 0.69). Diikuti Item terendah B8 berkaitan saya dapat melakukan iktidal nilai (min = 4.60, sp = 0.62). Dengan ini menunjukkan bahawa penguasaan ibadah solat dalam kalangan pelajar Islam Politeknik Mukah mencapai min tinggi. Keseluruhan min bagi bahagian B mencapai (min = 4.64, sp 0.44).

Jadual 5: Keberkesanan program OMS dalam kalangan pelajar Islam Politeknik Mukah

Bil.	Pernyataan	Min	SP	Tahap Interpretasi
C1	Fasilitator membantu saya dalam menguasai bacaan dalam solat	4.37	0.66	Tinggi
C2	Fasilitator membantu saya cara melaksanakan solat dengan betul	4.45	0.64	Tinggi

C3	Penceramah telah menyampaikan ceramah dengan berkesan	4.54	0.59	Tinggi
C4	Isi/ bahan ceramah yang disampaikan teratur dan kemas	4.49	0.57	Tinggi
C5	Peserta memahami apa yang disampaikan oleh penceramah	4.47	0.58	Tinggi
C6	Penceramah menggunakan bahasa yang mudah difahami	4.60	0.53	Tinggi
C7	Penceramah boleh didengar dengan jelas	4.52	0.59	Tinggi
C8	Bahan yang disampaikan bersesuaian dengan ceramah	4.53	0.58	
C9	Masa dan tempat ceramah adalah bersesuaian	4.45	0.71	Tinggi
	Purata Min	4.50	0.47	Tinggi

Analisis deskriptif yang melibatkan min dan sisihan piawai dijalankan untuk menentukan keberkesanan program OMS dalam kalangan pelajar Islam Politeknik Mukah dalam Jadual 5. Jadual 5 di atas menunjukkan keberkesanan program OMS dalam kalangan pelajar Islam Politeknik Mukah mencapai purata min yang tinggi iaitu mencapai nilai min = 4.50, sp = 0.47. 'Aspek fasilitator membantu saya dalam menguasai bacaan dalam solat' menunjukkan nilai min yang paling rendah iaitu 4.37, sp = 0.66. Seterusnya item C2 mencapai nilai min yang kedua rendah iaitu (min = 4.45, sp = 0.64) yang berkaitan dengan fasilitator membantu saya cara melaksanakan solat dengan betul. Item C6 berkaitan mencapai nilai min yang tertinggi penceramah menggunakan bahasa yang mudah difahami dengan nilai (min = 4.60, sp = 0.53). Diikuti item C13 yang mencapai nilai min kedua tertinggi iaitu Penceramah telah menyampaikan ceramah dengan berkesan dengan nilai (min = 4.54, sp 0.59).

Jadual 6: Hubungan antara Penguasaan Ibadah Solat dan Keberkesanan Program OMS

Dimensi			Penguasaan Ibadah Solat	Keberkesanan Program OMS
Penguasaan Solat	Ibadah	Korelasi Person	1	0.492**
		Sig. (1-tailed)		0.000
		N	142	142
Keberkesanan Program OMS		Korelasi Person	0.728**	1
		Sig. (1-tailed)	0.000	
		N	159	142

Jadual 6 menunjukkan hasil analisis korelasi yang menyatakan bahawa terdapat hubungan yang sederhana kuat di antara pembolehubah penguasaan ibadah solat dengan pembolehubah keberkesanan program OMS nilai pekali korelasinya ialah $r = 0.492^{**}$, $p < .000$. Ini bermakna penguasaan ibadah solat mempunyai hubungan yang sederhana kuat dengan keberkesanan program OMS.

Perbincangan Dapatan Kajian

Melalui kajian ini menunjukkan tahap penguasaan ibadah solat dalam kalangan pelajar Islam Politeknik Mukah pada tahap tinggi. Ini dapat dilihat kepada min keseluruhan adalah mencapai

4.64, sp 0.44 bagi penguasaan ibadah solat dalam kalangan pelajar Islam PMU. Ini bertepatan dengan kajian Norita Abd Aziz et al, (2021) bahawa para pelajar mempunyai pengetahuan yang baik dalam ibadah solat dan penguasaan ilmu bidang ini. Hasna Bidin et al., (2015) dalam kajiannya bahawa murid mempunyai kefahaman tentang solat fardu. Ini disokong oleh Kajian Fatin Faqeriah dan Termimi Hidayat (2022) mengatakan bahawa pelajar Islam Politeknik Mukah mempunyai kefahaman yang tinggi tentang kewajipan dan kepentingan ibadah solat. Selari dengan dapatan ini, Marzuki, Abd Rahman dan Ismail (2018) membuktikan bahawa pengaruh didikan ibu bapa semenjak kecil merupakan faktor utama mahasiswa dalam mendirikan solat.

Seterusnya aspek keberkesanan program OMS dalam kalangan pelajar Islam Politeknik Mukah mencapai min yang tinggi. Nilai min keseluruhan bagi aspek aspek keberkesanan program OMS dalam kalangan pelajar Islam Politeknik Mukah (min 4.50, sp 0.47). Ini menunjukkan bahawa program OMS memberi impak yang positif dalam kalangan pelajar Islam di Politeknik Mukah. Pelajar berminat mengikut program OMS sepanjang dilaksanakan di Politeknik Mukah. Menurut Hasna Bidin (2016) mengatakan bahawa bagi meningkatkan pelaksanaan solat pelajar dalam kehidupan seharian dicadangkan mengadakan pelbagai program seperti kem solat, kursus ibadah bagi memberi kesedaran diri kepada pelajar. Ini disokong oleh kajian oleh Asmawati Suhid dan Lukman Abdul Mutalib (2009) menyatakan bahawa pelajar berminat mengikut program solat kerana ianya membentuk jati diri serta mengetahui solat merupakan tuntutan wajib ke atas setiap individu Islam.

Dari aspek hubungan penguasaan ibadah solat dan keberkesanan program OMS kurang berhubungan antara satu sama lain. Melalui kajian ini menunjukkan hubungan signifikan yang sederhana kuat di antara penguasaan ibadah solat dengan keberkesanan program OMS. Melalui kajian ini dapat dilihat sama ada mempengaruhi kesan terhadap data kajian ini.

Cadangan Kajian Lanjutan

- a) Kajian berbentuk kualitatif dicadangkan pada masa akan datang kepada pelajar Politeknik Mukah
- b) Kajian boleh dilaksanakan di peringkat sekolah rendah dan menengah bagi melihat sejauh mana keberkesanan pelaksanaan solat dalam kalangan mereka.

Kesimpulan

Secara umumnya, kajian ini meninjau penguasaan ibadah solat dan keberkesanan program OMS dalam kalangan Pelajar Islam semester 1 di Politeknik Mukah. Dalam kajian ini tahap penguasaan ibadah solat pelajar Islam di Politeknik Mukah mencapai min tinggi. Seterusnya keberkesanan program OMS juga mencapai min yang tinggi. Manakala hubungan penguasaan ibadah solat dan keberkesanan program OMS sederhana kuat. Melalui program OMS banyak memberi pendedahan kepada pelajar Islam khususnya di Politeknik Mukah tentang rukun-rukun dalam solat, bacaan dalam solat dan amali solat dalam sesi praktikal solat. Pihak ibu bapa memainkan peranan yang penting dalam pelaksanaan dan penguasaan solat pelajar dalam seharian. Sebagaimana kita tahu, solat merupakan tuntutan wajib yang perlu dilaksanakan oleh seorang muslim dalam kehidupan seharian. Selain daripada itu, peranan pensyarah juga penting dalam mendidik pelajar-pelajar Islam supaya dapat menguasai solat dengan betul sekaligus

dapat menghayati pelaksanaan ibadah solat. Oleh yang demikian, program OMS banyak membantu para pelajar dari segi pengetahuan tentang pelaksanaan solat.

Penghargaan

Penghargaan terima kasih buat rakan-rakan yang terlibat secara langsung dalam menjayakan kajian ini. Tidak lupa juga untuk kepada urusetia dan jawatankuasa yang terlibat dalam International Journal Of Education, Psychology and Counselling (IJEPC) menerbitkan kajian yang telah kami dihasilkan. Moga kajian ini dapat memberi manfaat kepada penyelidik-penyelidik yang lain dalam menghasilkan kajian seperti ini.

Rujukan

Al-Quran Al-Karim

- Abdullah Ishak .(1989). Sejarah Perkembangan Pelajaran dan Pendidikan Islam Kuala Lumpur: Badan Dakwah dan Kebajikan Malaysia
- Ahmad Mohd. Salleh. (2004). Pendidikan Islam: Falsafah, Sejarah dan Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran. Selangor : Fajar Bakti Sdn Bhd
- Asmawati Suhid dan Lukman Abdul Mutalib (2009). Tinjauan Terhadap Pelaksanaan Kem Bestari Solat."*Journal of Islamic and Arabic Education*
- Azhar Mohd Nawi & Sukarni Abd Ghani (2021). Pelaksanaan Solat Fardhu Dalam Kalangan Pelajar Politeknik Hulu Terengganu. *International Conference And Mukhtar On Prophetic Sunnah (ICMAS 2021)*
- Hasna Bidin, Ahmad Syukran Baharuddin, & Mohd Ismail Mustari. (2015). Kefahaman Ibadat Solat Fardu dalam Kalangan Pelajar Muslim: Kajian Tinjauan di Kolej Komuniti Bukit Beruang, Melaka. *Sains Humanika*.5:3 (2015), 21–34.
- Cohen, J. W. (1998). Statiscal Power Analysis for the behavioral sciences. *2nd Edition. Hillsdale. NJ. Lawrence Erlbaum Associates*
- Fatin Fageriah dan Termimi Hidayat (2022). Tahap Pengamalan Ibadah Solat dalam kalangan Pelajar Islam Politeknik Mukah. *Jurnal Pengajian Umum 2022*.
- Fink A (1995) The Survey Kit. Vol 5. How to Design Surveys. Sage Publications, Thousand Oaks, CA
- Gay, L. R., & Airasian, P. (2003). Educational research: Competencies for analysis and application (7 th ed.). Upper Saddle River, NJ: Pearson Education.
- Hasna Bidin (2016). Pelaksanaan Solat Dalam Kalangan Pelajar Muslim Di Kolej Komuniti Negeri Johor. *Ph. D Disertasi* , Universiti Teknologi Malaysia
- Maryam Abdul Majid. (1999). Bimbingan Ibadat. Johor Bahru: Penerbit Badan Cemerlang Sdn. Bhd.
- Marzuki, M. K., Abd Rahman, M. M. & Ismail, A. (2018). Sikap Mahasiswa Terhadap Pengamalan Solat Fardu dan Kesannya kepada Pembentukan Sahsia: Kajian di UiTM Kelantan Kampus Kota Bharu.
- Mc Millan, J.H & Schumacher, S. (1984). Research In Education. Boston : Little, Brown & Company Limited.
- Mohd Khusyairie Marzuki, Mohd Muhiden Abdul Rahman & Affendi Ismail (2018). Sikap Pelajar terhadap Pengamalan Solat Fardu dan Kesannya kepada Pembentukan Sahsia: Kajian di UiTM Kelantan Kampus Kota Bharu. *Jurnal al-Basirah. Vol. 8, No. 2, 11-22*.
- Mukhlis Hakimi bin Md Hayazi .(2018). Pengabaian solat di kalangan mahasiswa: Kajian terhadap mahasiswa Diploma Syariah Islamiyyah. Kolej Universiti Islam

Melaka.https://www.academia.edu/42669234/PENGABAIAN_SOLAT_DI_KALANGAN_MAHASISWA_KAJIAN_TERHADAP_MAHASISWA_DIPLOMA_SYARIAH_ISLAMIYYAH

- Nik Mohd. Rahimi Nik Yussoff (2005). Kemahiran Mendengar Bahasa Arab: Satu Kajian di sekolah Menengah kerajaan Negeri . *Ph. D Disertasi* : Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Norita Abd Aziz, Mohamad Bazli Md Razi, Natrah Mat Noor (2021). Penguasaan Bacaan dan Pelaksanaan Solat di Kalangan Pelajar Muslim Politeknik. *International Conference And Mukhtar On Prophetic Sunnah (ICMAS 2021)*
- Othman Lebar (2006). Penyelidikan Kualitatif : Pengenalan kepada Teori dan Metod. Tanjung Malim, Malaysia: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris
- Siti Khurshiah Mohd Mansor, Syuhaida Idha Abd Rahim, Nur Hidayah Zainal (2021). Kajian Tahap Penghayatan Solat Fardu dan Faktor Pelaksanaannya Dalam Kalangan Mahasiswa UiTM Shah Alam. *Journal of Contemporary Islamic Studies*